



ABDULLAH MOHD. SAID (empat dari kiri) menyerahkan replika cek tajaan akhbar *Utusan Malaysia* kepada **Celestina Ubing** (empat dari kanan) sambil disaksikan **No'man Ahmad** (tujuh dari kiri) dan para pelajar serta kakitangan universiti sempena majlis Konvokesyen UMS Ke-16 di Kota Kinabalu, Sabah, kelmarin. - IHSAN JOHAIDI ISMAIL@ALFIE

UMS taja 15,000 naskhah *Utusan Malaysia*

Um 21-11-2014 32

KOTA KINABALU 20 Nov. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menaja sebanyak 15,000 naskhah akhbar *Utusan Malaysia* sempena majlis Konvokesyen UMS Ke-16 yang akan berlangsung pada Sabtu hingga Isnin ini.

Naskhah akhbar *Utusan Malaysia* itu akan diardakan kepada graduan dan pengunjung sepanjang majlis konvokesyen itu berlangsung.

Majlis penyerahan replika cek tajaan itu disampaikan oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd. Said kepada Eksekutif Pemasaran Utusan Melayu (M) Berhad cawangan Sabah, Celestina Ubing sambil disaksikan oleh Timbalan Naib Cansel-



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

lor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shariff AK Omang dan Ketua Jabatan Canselori, No'man Ahmad dalam majlis ringkas di pekarangan Dewan Canselori, di sini semalam.

No'man ketika ditemui selepas majlis berkenaan berkata, sejak penubuhan UMS, universiti itu terus menjadi kebanggaan rakyat setempat selain mencapai pelbagai kejayaan yang memberi impak

langsung kepada masyarakat dan negara.

Sebagai sebuah gedung ilmu di negeri ini katanya, UMS bukan sahaja mengubah landskap budaya, malah mencorakkan aspek sosioekonomi masyarakat yang semakin cenderung cintakan ilmu dalam kehidupan.

"Kita melihat ke hadapan dalam melahirkan graduan berkualiti yang tidak hanya memenuhi permintaan pasaran kerja tempatan sebaliknya mampu membuka peluang keusahawanan untuk manfaat komuniti setempat," katanya.

Sempena majlis konvokesyen tersebut, pelbagai program dian-

jurkan UMS seperti Pesta Tamu Gadang di padang kawad universiti itu yang melibatkan pembukaan gerai jualan dan gerai pameran penyelidikan akademik serta kenderaan.

Pesta Tamu Gadang turut melibatkan penyertaan Polis Diraja Malaysia yang membuka kaunter penerangan trafik selain pameran jenayah dan penyalahgunaan dadah.

Majlis perasmian Pesta Tamu Gadang berlangsung malam tadi yang disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin dan turut dihadiri isteri beliau, Toh Puan Norlidah RM Jasni serta Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.